

Metode Interaksi Hadis Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang Di Dalam Buku Taktik dan Strategi Berpolitik Gaya Khulafa Ar-Rasyidin

Ahmad Izzuddin Abu Bakar

Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan,
izzuddin@usim.edu.my

Abstrak

Tujuan artikel ialah mengenal pasti metode interaksi hadis Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (TGHH) di dalam bukunya Taktik Dan Strategi Berpolitik Gaya Khulafa Ar-Rasyidin. Beliau merupakan ilmuan agama yang berkecimpung di dalam politik. Kajian menggunakan kaedah kualitatif dari jenis analisis kandungan. Dapatan menunjukkan ia mengandungi dua puluh lima (25) buah hadis. Daripada jumlah tersebut, enam belas (16) diriwayatkan oleh salah satu atau lebih kitab-kitab yang dikategorikan sebagai Kutub al-Sittah. Manakala lapan (8) hadis diriwayatkan di dalam kitab Musnad Ahmad. Satu (1) hadis pula tidak dapat ditemui oleh pengkaji. Pecahan status hadis adalah: tiga belas (13) hadis adalah sahih kerana ia diriwayatkan di dalam Sahih Bukhari atau Sahih Muslim, empat (4) hadis dinyatakan oleh pentahkik sebagai sahih, dua (2) hadis dinyatakan oleh pentahkik sebagai Sahih Lighairihi, dua (2) hadis dinyatakan oleh pentahkik sebagai Hasan Lighairihi, dua (2) hadis dinyatakan oleh pentahkik sebagai Sanadnya Hasan, satu (1) hadis dinyatakan oleh pentahkik sebagai Sebahagiannya Sahih dan satu (1) tidak dapat dipastikan kerana matan asal tidak ditemui oleh pengkaji. Metode interaksi hadis yang dikenal pasti ialah Membawa Terjemahan, Mafhum Atau Sebahagian Hadis, Mengeluarkan Pengajaran Hadis Dari Sudut Politik, Menjelaskan Salah Faham Masyarakat Di Dalam Huraian Hadis dan Menggunakan Sumber Muktabar Dan Hadis Sahih.

Kata Kunci: *Abdul Hadi Awang, Metode Hadis, Metode Interaksi Hadis, Metode Hadis Abdul Hadi, Hadis Politik.*

PENDAHULUAN

Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang tokoh yang tidak asing di Malaysia. Dikenali sebagai seorang pendakwah, ilmuan agama dan ahli politik. Mempunyai pengajian berkala secara berkitab dan menghasilkan karya-karya ilmiah. Pengajiannya di Masjid Kampung Rusila sudah menjangkau 45 tahun. Sehingga kini, buku yang diterbitkan hampir mencecah 100 buah di dalam pelbagai sub bidang agama. Audien tokoh ini mencakupi pelbagai lapisan masyarakat. Terdiri daripada masyarakat awam, pelajar universiti dan golongan cendekiawan. Beliau menerima jemputan syarahan di universiti, ucapan dan pembentangan di persidangan tempatan dan antarabangsa serta pengajian umum.

Artikel ini bertujuan mengkaji seterusnya mengenal pasti metode interaksi hadis tokoh yang disebutkan di dalam salah satu tulisannya Taktik Dan Strategi Berpolitik Gaya Khulafa Ar-Rasyidin. Buku ini diterbitkan oleh PTS Islamika pada tahun 2010.

Dapatan kajian yang diperolehi akan menjelaskan kaedah penyampaian bahan pengajian hadis khususnya dan pengajian agama umumnya terutama kepada masyarakat awam dan orang ramai. Tokoh ini mempunyai pengalaman luas di dalam dakwah dan pendidikan melalui ucapan dan penulisan. Ini dapat dimanfaatkan dalam mengaplikasikan penyampaian dan persembahan yang lebih berkesan.

KAJIAN LEPAS

Terdapat dua kata kunci yang penting bagi kajian lepas iaitu biodata tokoh yang menjadi subjek kajian dan pengenalan mengenai buku Taktik Dan Strategi Berpolitik Gaya Khulafa Ar-Rasyidin.

Biodata Ringkas Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang

Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (TGHA) merupakan anak daripada pasangan Awang Mohamad bin Abdul Rahman dan Aminah binti Yusuf. Dilahirkan pada 20 Oktober 1947 sebagai anak ke 5 daripada 9 orang adik beradik. Kedua-dua ibu bapanya berasal daripada Kampung Rusila. Ayahnya seorang pemimpin masyarakat dan guru agama yang mengajar di masjid serta aktivis politik kepada Hizbul Muslimin dan Persatuan Islam Se-Tanah Melayu. Hasil perkongsian dengan Zainab binti Awang Ngah semenjak tahun 1976 mereka dikurniakan anak seramai dengan 11 orang. Perkahwinan kedua dengan Dr. Norzita binti Taat yang berlangsung pada tahun 1991 dikurniakan 3 orang anak (Riduan Mohamad Nor, 2009).

Pendidikan formal bermula di Sekolah Rendah Rusila, Sekolah Menengah Arab Marang dan Sekolah Menengah Ugama Sultan Zainal Abidin. Seterusnya melanjutkan pengajian tinggi dengan biasiswa kerajaan Arab Saudi di Universiti Islam Madinah bagi Ijazah Pertama. Kemudian melanjutkan pengajian master pada tahun 1974 hingga 1976 di dalam bidang Siasah Syariah (Sains Politik Islam) di Universiti Al-Azhar Mesir (Riduan Mohamad Nor, 2009).

Selain itu, beliau mendapat didikan langsung apabila menjelaskan bapanya merupakan guru politik yang pertama. Seawal usia 7 tahun, beliau mengikuti perbualan politik ayahnya bersama rakan-rakan seperti Dato' Bahaman, Tok Gajah, Abdul Rahman Limbong, Dr. Burhanuddin Helmi dan Dato' Onn Jaafar sama ada sebelum atau selepas merdeka. Beliau turut membaca buku-buku politik milik oleh ayahnya sekaligus memantapkan kefahaman (Mohd Ridwan Razali et al., 2020).

Selepas menamatkan pengajian, TGHA pulang dan berkhidmat sebagai pegawai Yayasan Islam Terengganu dari tahun 1977 hingga 1978. Jiwa pendakwah dan pejuang di dalam diri menyebabkannya aktif di dalam kerja-kerja kemasyarakatan dan politik. Beliau mengajar di masjid, memenuhi jemputan ceramah dan memegang jawatan di dalam badan-badan Islam. Beliau memegang jawatan Pengerusi ABIM Terengganu dan aktif di dalam PAS sehingga menjawat Setiausaha

Cawangan Kampung Rusila 1976, Ketua Pemuda Negeri Dewan Pemuda Pusat dan terpilih menjadi Jawatankuasa Kerja Pusat pada tahun 1980. Dilantik sebagai Naib Presiden pada tahun 1983 dan Timbalan Presiden. Pada masa ini, TGHA dipilih sebulat suara menggantikan Dato Fadzil Noor selepas kematiannya pada tahun 2003 (Sahlawati Abu Bakar, 2018).

Ketokohan dan kepimpinan TGHA terserlah bukan sekadar di dalam negara sebagai presiden parti politik malah diakui di peringkat antarabangsa. Antara yang paling signifikan ialah perlantikannya sebagai Naib Ketua Kesatuan Ulama Islam Sedunia bersama-sama Dr Ahmad al-Raysuni dan Sheikh Ahmad Al-Khalili yang diketuai Dr. Yusuf al-Qaradawi. Sebelum itu beliau sudah pun dilantik ke beberapa jawatan penting seperti Ahli Lembaga Pemegang Amanah Muassasah Al-Quds dan Ahli Lembaga Majma' Taqrib Mazahib. Selain perunding misi damai di negara-negara bergolak seperti Bosnia, Afghanistan, Aceh dan Yaman. Oleh sebab itu, The Royal Islamic Strategic Studies menyenaraikannya sebagai salah seorang 500 muslim yang berpengaruh di dunia menerusi kategori Pendakwah & Pembimbing Rohani (Preachers & Spritual Guides) dalam keluaran The Muslim 500: The World's 500 Most Influential Muslims edisi 2016 (Riduan Mohamad Nor, 2009).

Pengenalan Buku Taktik Dan Strategi Berpolitik Gaya Khulafa Ar-Rasyidin

Taktik Dan Strategi Berpolitik Gaya Khulafa Ar-Rasyidin diterbitkan oleh PTS Islamika Sdn. Bhd. sebuah anak syarikat kepada PTS Media Group Sdn. Bhd. Ia diterbitkan pertama kali pada tahun 2010. Keseluruhannya ia mempunyai 225 halaman. Menurut pengarang, buku ini merupakan sambungan tulisan kolum Fekah Harakah Daripada Sirah Nabawiyah di dalam akhbar harakah. Ini dibuat kerana terdapat permintaan menggalakkan daripada para pembaca (Abdul Hadi Awang, 2010).

Karya ini menerang kisah dan pengajaran daripada perjalanan hidup Saidina Abu Bakar As-Siddiq. Beliau merupakan sebaik-baik Sahabat Nabi SAW dan khalifah pertama dari kalangan Khulafa' al-Rasyidin yang kelebihannya terdapat di dalam

hadis-hadis yang sangat banyak. Peranannya dalam menghadapi golongan murtad menjadi tumpuan para pengkaji (Ali Muhammad al-Salabi, 2015). Buku ini dibahagikan kepada bab-bab berikut:

Bab 1: Pengenalan.

Bab 2: Keperluan Sistem Khalifah.

Bab 3: Khalifah Abu Bakar.

Bab 4: Peruntukan Untuk Khalifah.

Bab 5: Menghadapai Musuh Negara.

Bab 6: Menghadapai Golongan Murtad.

Bab 7: Tindakan Abu Bakar.

Bab 8: Mengumpul Al-Quran.

Bab 9: Kesan Peristiwa Murtad.

Bab 10: Kehebatan Panglima Khalid.

Bab 11: Mimpi Syurahbil

Bab 12: Sistem Khalifah.

Bab 1 hingga Bab 4 menerangkan penerimaan para Sahabat terhadap kewafatan Rasulullah SWT dan keperluan kepada suatu sistem kenegaraan yang dikenali sebagai khilafah bagi menggantikan kepimpinan Baginda. Wujud perbezaan pendapat di kalangan Sahabat yang berakhir dengan persetujuan untuk melantik Abu Bakar As-Siddiq melihat kepada keutamaannya di dalam Islam. Pengarang menghuraikan dalil-dalil bagi membantah pendapat yang menyatakan sebahagian Sahabat tidak memberikan taat setia kepada khalifah yang pertama ini. Terdapat suatu peristiwa yang menarik di mana Saidina Umar RA dan Saidina Ali RA mencadangkan peruntukan khas bagi keperluan ketua negara yang menunjukkan Islam mendahului sistem-sistem lain dalam perkara ini.

Bab 5 hingga Bab 7 menerangkan tindakan pantas yang diambil oleh Abu Bakar As-Siddiq dalam memerangi golongan murtad. Pada permulaannya ia tidak dipersetujui oleh sebahagian Sahabat kerana golongan tersebut masih lagi mengucap dua kalimah syahadah dan mendirikan solat. Namun, khalifah menjelaskan kefahaman mengenai nas syarak yang menyebabkan mereka memperakunya dan akur dengan segala urusan yang telah ditetapkan. Ia turut memuatkan hujah terhadap salah faham orientalis yang menganggap riddah sekadar pemberontakan yang berpunca daripada sebab-sebab keduniaan semata-mata. Seterusnya memperincikan strategi politik dan peperangan yang akan dijalankan.

Bab 8 menerangkan pengumpulan al-Quran yang bertitik tolak daripada kematian para penghafaz al-Quran di dalam peperangan Yamamah. Tugas ini diketuai oleh Zaid bin Thabit yang baru berumur 21 tahun. Seterusnya bab ini menerangkan operasi membanteraskan pemberontakan riddah di Oman, Bahrain dan kawasan sekitarnya.

Bab 9 menerangkan kesan-kesan peristiwa murtad. Ia mencakupi penerokaan tentera Islam terhadap dunia antarabangsa dan menghadapi kuasa besar pada ketika itu yang turut membantu golongan murtad. Ia turut menyebut mengulas beberapa pertempuran penting seperti al-Hirah, Uballah, Zat al-Salasil, Mazar al-Tahny, Walajah, Ullais dan Amghisyia.

Bab 10 mengkhususkan peranan yang dimainkan oleh panglima Khalid bin al-Walid. Dinyatakan karamah yang dikurniakan oleh Allah SWT kepadanya seperti meminum racun milik musuh yang digunakan untuk membunuh diri. Ia turut menerangkan kehebatan dan kelicikan panglima ini di dalam strategi dan taktik peperangan.

Bab 11 dikhususkan mengenai panglima Syurahbil yang melihat suatu mimpi. Beliau menceritakannya kepada Abu Bakar yang arif di dalam tafsir mimpi. Khalifah mentafsirkannya sebagai petanda baik dalam kempen menyerang empayar rom. Seterusnya bab ini menerangkan langkah-langkah yang diambil bermula dengan

mesyuarat bersama para Sahabat utama dan panglima-panglima perang serta memberi ucapan kepada rakyat. Selepas itu beliau membuat kerahan kepada penduduk Yaman yang diarahkan bergabung dengan pasukan-pasukan tentera.

Bab 12 menerangkan sistem khalifah yang dipilih oleh rakyat tetapi mengamalkan konsep *syura*. Abu Bakar As-Siddiq membahagikan pentadbiran negara Islam yang semakin membesar kepada beberapa wilayah yang diketuai oleh gabenor. Terdapat hakim-hakim yang mengendalikan pertikaian dan perbalahan seperti Abu Bakar As-Siddiq sendiri, Umar bin al-Khattab, Uthman bin Affan, Ali bin Abi Talib, Abu Ubaidah dan Zaid bin Thabit. Terdapat juga sistem kewangan seperti zakat, ghanimah, al-Fai, Jizyah, Baitul Mal serta kegiatan perekonomian yang sedia ada.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dari jenis analisis kandungan. Secara umum, ia merupakan pemerhatian, analisa dan penilaian yang dijalankan ke atas metode berinteraksi dengan hadis. Hadis-hadis yang disampaikan di dalam Buku Taktik Dan Strategi Berpolitik Gaya Khulafa Ar-Rasyidin akan dilihat secara mendalam satu persatu gaya persembahannya kepada pembaca. Selepas itu dijelaskan pendekatan yang digunakan oleh pengarang. Contoh-contoh yang berkaitan akan disertakan untuk pembuktian. Kajian ini tidak termasuk riwayat-riwayat sirah.

Pencarian hadis atau *takhrij* akan merangkumi keseluruhan perkataan (*lafaz*) di dalam matan. Hadis yang menyebut sebahagian *lafaz* tidak akan diambil kira. *Takhrij* akan dibuat daripada *Kutub al-Sittah* iaitu Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Daud, Sunan Tirmizi, Sunan Nasaie dan Sunan Ibnu Majah. Pengkaji akan menyatakan kesemua nama kitab *Kutub al-Sittah* yang meriwayatkan hadis tersebut. Jika tidak dijumpai, barulah akan dibuat daripada kitab-kitab yang lain di mana

pengkaji hanya menyebut satu nama kitab sahaja yang meriwayatkannya dengan matan yang paling hampir dari sudut maknanya.

Berkenaan status hadis, jika diriwayatkan di dalam Sahih Bukhari atau Sahih Muslim, pengkaji akan meletakkannya sebagai sahih. Ini berdasarkan kepada persepakatan sarjana zaman berzaman bahawa kesemua hadis di dalam kedua-duanya adalah sahih (Ibn al-Şalah, 2019). Jika ia diriwayatkan di dalam selainnya dan pengarang kitab menyatakan status hadis, pengkaji akan mengambil daripadanya. Jika tidak disebutkan, pengkaji akan memetik daripada pentahkik.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan terdapat 25 hadis yang digunakan. 16 hadis diriwayatkan di dalam Kutub al-Sittah dan selebihnya 8 hadis diriwayatkan di dalam Musnad Ahmad. Manakala 1 hadis tidak dapat ditemui oleh pengkaji iaitu hadis yang berbunyi 'Sesiapa yang menjadikan Aku tuannya, maka Ali adalah tuannya'.

Pecahan status hadis adalah seperti berikut:

1. Tiga belas (13) hadis adalah sahih kerana ia diriwayatkan di dalam Sahih Bukhari atau Sahih Muslim.
2. Empat (4) hadis dinyatakan oleh pentahkik sebagai sahih.
3. Dua (2) hadis dinyatakan oleh pentahkik sebagai Sahih Lighairihi.
4. Dua (2) hadis dinyatakan oleh pentahkik sebagai Hasan Lighairihi.
5. Dua (2) hadis dinyatakan oleh pentahkik sebagai Sanadnya Hasan.
6. Satu (1) hadis dinyatakan oleh pentahkik sebagai Sebahagiannya Sahih.
7. Satu (1) tidak dapat dipastikan kerana matan asal tidak ditemui oleh pengkaji.

Berikut adalah data keseluruhan:

Bil.	Terjemahan / Mafhum & Halaman Buku	Matan & Terjemahan Penulis Artikel	Sumber & Status
1	<p>Kaum Bani Israel pada zaman dahulu dipimpin oleh para Nabi (mereka menjadi ahli politik). Setiap kali matinya seorang Nabi, penggantinya Nabi juga selepasnya, sesungguhnya tiada lagi Nabi selepas itu dan akan berlakunya perlantikan khalifah (yang mengganti Nabi bagi memimpin umat), mereka ramai. Para sahabat bertanya, apakah perintahMu kepada kami?. Rasulullah SAW menjawab: tunaikan baiah (janji ketaatan) kepada yang pertama dan seterusnya. Berilah kepada mereka hak mereka (untuk memerintah). Maka sesungguhnya Allah akan bertanyakan mereka</p>	<p>فَسَمِعْتُهُ يُحَدِّثُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: كَانَتْ بَنُو إِسْرَائِيلَ تَسُوسُهُمُ الْأَنْبِيَاءُ، كُلَّمَا هَلَكَ نَبِيٌّ خَلَفَهُ نَبِيٌّ، وَإِنَّهُ لَا نَبِيَّ بَعْدِي، وَسَيَكُونُ خُلَفَاءُ فَيَكْتُمُونَ، قَالُوا: فَمَا تَأْمُرُنَا؟ قَالَ: فُوا بِبَيْعَةِ الْأَوَّلِ فَالْأَوَّلِ، أَعْطَوْهُمْ حَقَّهُمْ، فَإِنَّ اللَّهَ سَائِلُهُمْ عَمَّا اسْتَرَعَاهُمْ.</p> <p>Maka aku telah mendengarnya berbicara daripada Nabi SAW, Baginda bersabda: dahulu Bani Israel dipimpin oleh para Nabi. Setiap kali mati seorang Nabi, Nabi yang lain menggantikannya, sesungguhnya tiada Nabi selepas itu, dan akan ada khalifah-khalifah dan mereka ramai. Mereka berkata: maka apakah perintahMu kepada kami?. Baginda bersabda: tunaikan baiah (janji ketaatan) kepada yang pertama dan seterusnya. Berilah kepada mereka hak mereka (untuk memerintah). Maka sesungguhnya Allah akan</p>	<p>Bukhari (3455), Muslim (1842), Ibnu Majah (2871). Sahih.</p>

	berkenaan urusan mereka yang diminta supaya memimpin (6 7 31).	bertanyakan mereka (pemimpin) berkenaan apa yang Dia (Allah SWT) minta untuk memimpin akan mereka (rakyat) itu.	
2	Islam bermula dengan pemerintahan berasaskan konsep Nabi, kemudian diikuti oleh konsep khulafah ar-Rasyidin, diikuti pula berlakunya penguasaan raja yang zalim, seterusnya raja yang ganas dan akhirnya kembali semula kepada khalifah (7).	<p>فَجَاءَ أَبُو ثَعْلَبَةَ الْخُسَيْنِيُّ، فَقَالَ: يَا بَشِيرُ بْنُ سَعْدٍ أَنْحَفْتُ حَدِيثَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فِي الْأَمْرَاءِ؟، فَقَالَ خُدَيْفَةُ: أَنَا أَحْفَظُ خُطْبَتَهُ، فَجَلَسَ أَبُو ثَعْلَبَةَ، فَقَالَ خُدَيْفَةُ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: تَكُونُ النَّبِيُّهُ فِيكُمْ مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ تَكُونَ، ثُمَّ يَرْفَعُهَا إِذَا شَاءَ أَنْ يَرْفَعَهَا، ثُمَّ تَكُونُ خِلَافَةً عَلَى مِنْهَاجِ النَّبِيِّهِ، فَتَكُونُ مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ تَكُونَ، ثُمَّ يَرْفَعُهَا إِذَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ يَرْفَعَهَا، ثُمَّ تَكُونُ مُلْكًا عَاضًا، فَيَكُونُ مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ يَكُونَ، ثُمَّ يَرْفَعُهَا إِذَا شَاءَ أَنْ يَرْفَعَهَا، ثُمَّ تَكُونُ مُلْكًا جَبْرِيَّةً، فَتَكُونُ مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ تَكُونَ، ثُمَّ يَرْفَعُهَا إِذَا شَاءَ أَنْ يَرْفَعَهَا، ثُمَّ تَكُونُ خِلَافَةً عَلَى مِنْهَاجِ نَبِيِّهِ.</p> <p>Maka Abu Tha'labah pun datang lalu dia berkata: wahai Bashir bin Saad, adakah engkau menghafal hadis daripada Rasulullah SAW mengenai kepemimpinan?. Lalu Huzaifah berkata: aku menghafal ucapannya. Abu Tha'labah pun duduk. Huzaifah berkata: Rasulullah SAW bersabda: kenabian akan</p>	Ahmad (18406). Sanadnya Hasan.

		<p>berada bersama kamu sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah ia berada, kemudian Dia (Allah) akan mengangkatnya jika Dia mahu mengangkatnya, kemudian khilafah di atas jalan kenabian, maka ia akan berada sebagaimana Allah kehendaki ia berada, kemudian raja yang menggigit (jahat) maka ia berada sebagaimana Allah kehendaki ia berada, kemudian Dia mengangkatnya jika Dia mahu mengangkatnya, kemudian raja yang ganas, maka ia berada sebagaimana Allah kehendaki, kemudian Dia mengangkatnya jika Dia mahu mengangkatnya, kemudian khilafah di atas jalan kenabian.</p>	
3	<p>Abu Hurairah menceritakan, “sedang Rasulullah SAW bercakap kepada orang ramai, tiba-tiba seorang badwi datang lalu bertanya:</p>	<p>عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: بَيْنَمَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي مَجْلِسٍ يُحَدِّثُ الْقَوْمَ، جَاءَهُ أَعْرَابِيٌّ فَقَالَ: مَتَى السَّاعَةُ؟ فَمَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحَدِّثُ، فَقَالَ بَعْضُ الْقَوْمِ: سَمِعَ مَا قَالَ فَكْرَهُ مَا قَالَ. وَقَالَ بَعْضُهُمْ: بَلْ لَمْ يَسْمَعْ، حَتَّى إِذَا قَضَى حَدِيثَهُ قَالَ: أَيْنَ -أَرَاهُ- السَّائِلُ عَنِ السَّاعَةِ، قَالَ: هَا أَنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ،</p>	<p>Bukhari (58). Sahih.</p>

<p>bilakah berlakunya kiamat? Rasulullah SAW meneruskan perbualannya tanpa mempedulikan orang badwi itu. Ada di kalangan kami berfikir, Rasulullah tidak senang dengan cara dia menyoal. Ada juga yang berfikir Rasulullah tidak mendengar pertanyaannya. Tiba-tiba Rasulullah SAW bertanya, mana orang yang bertanya tadi? Orang badwi menjawab, ini dia, saya. Rasulullah SAW berkata: apabila dihilangkan amanah. Orang badwi itu bertanya, bagaimana amanah itu hilang?. Jawab Rasulullah, apabila diserahkan urusan pemerintahan kepada orang yang bukan ahlinya</p>	<p>قَالَ: فَإِذَا ضُيِّعَتِ الْأَمَانَةُ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ، قَالَ: كَيْفَ إِضَاعَتُهَا؟ قَالَ: إِذَا وَسَّدَ الْأَمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ.</p> <p>Daripada Abu Hurairah, beliau berkata: ketika Nabi SAW di dalam majlis sedang bercakap dengan sekumpulan orang datang seorang badwi lalu dia berkata: bilakah kiamat? Baginda meneruskan bercakap. Sebahagian orang berkata: Baginda mendengar apa yang dia ucapkan akan tetapi Baginda tidak senang dengannya, sebahagian mereka berkata: bahkan Baginda tidak mendengar, sehinggalah Baginda menghabiskan ucapan lalu Baginda bersabda: di mana orang yang bertanya tentang kiamat?. Dia berkata: saya wahai Rasulullah, Baginda bersabda: apabila dihilangkan amanah maka tunggulah kiamat. Dia berkata: bagaimana</p>	
---	--	--

	maka tunggulah kiamat (9).	menghilangkannya?. Baginda bersabda: apabila diserahkan urusan kepada bukan ahlinya maka tunggulah kiamat.	
4	Tidak ada pemimpin yang mengendalikan urusan rakyat di kalangan kaum muslimin lalu dia mati dalam keadaan menipu mereka melainkan Allah mengharamkannya masuk syurga (9).	<p>قَالَ مَعْقِلٌ: إِنِّي مُحَدِّثُكَ حَدِيثًا سَمِعْتُهُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، لَوْ عَلِمْتُ أَنَّ لِي حَيَاةً مَا حَدَّثْتُكَ، إِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: مَا مِنْ عَبْدٍ يَسْتُرْ عَلَيْهِ اللَّهُ رَعِيَّةً، يَمُوتُ يَوْمَ يَمُوتُ وَهُوَ غَائِبٌ لِرَعِيَّتِهِ، إِلَّا حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ.</p>	Muslim (142). Sahih.
5	Diamlah wahai Uhud, di atasmu ada seorang Nabi, seorang yang benar dan dua orang yang syahid (20).	<p>أَنَّ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، حَدَّثَهُمْ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَعِدَ أُحُدًا، وَأَبُو بَكْرٍ، وَعُمَرُ، وَعُثْمَانُ فَرَجَفَ بِهِمْ، فَقَالَ: اثْبُتْ أُحُدُ فَإِنَّمَا عَلَيْكَ نَبِيٌّ، وَصِدِّيقٌ، وَشَهِيدَانِ.</p> <p>Sesungguhnya Anas bin Malik RA telah berbicara kepada mereka bahawa Nabi SAW menaiki bukit Uhud bersama Abu Bakar, Umar, Usman, lalu ia menggegarkan mereka lalu Baginda bersabda: tetaplah (jangan bergerak) Uhad, sesungguhnya di atasmu ada seorang Nabi, seorang yang</p>	Bukhari (3675), Abu Daud (4651), Tirmizi (3697). Sahih.

		benar dan dua orang yang syahid.	
6	Seorang wanita datang menemui Rasulullah SAW lalu beliau menyuruhnya datang semula menemuinya, wanita itu bertanya, apa kataMu sekiranya saya datang, kamu tidak ada (wafat). Rasulullah SAW menjawab, sekiranya aku tidak ada, berjumpalah dengan Abu Bakar (22).	<p>عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ جُبَيْرِ بْنِ مُطْعِمٍ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ: أَنْتِ امْرَأَةُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَمَرَهَا أَنْ تَرْجِعِ إِلَيْهِ، قَالَتْ: أَرَأَيْتَ إِنْ جِئْتُ وَلَمْ أَجِدْكَ؟ كَأَنَّهُمَا تَقُولُ: الْمَوْتُ، قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنْ لَمْ تَجِدِينِي فَأْتِي أَبَا بَكْرٍ.</p> <p>Daripada Muhammad bin Jubair bin Muth'im, daripada bapanya, beliau berkata: seorang perempuan datang menemui Nabi SAW, lalu Baginda menyuruhnya datang semula kepadanya, dia berkata: apa pandanganMu jika aku datang dan aku tidak mendapatiMu?. Seolah-olah dia memaksudkan dengan mati. Baginda SAW bersabda: jika engkau tidak mendapatiku maka datangilah Abu Bakar.</p>	Bukhari (3659), Muslim (2386). Sahih.
7	Sesiapa yang menjadikan Aku tuannya, maka Ali adalah tuannya (24).	Tidak ditemui	Tidak ditemui

8	<p>Sesiapa yang menjadikan Aku walinya, maka ini dia (Ali) walinya. Wahai Tuhan! Pimpinlah orang yang menjadikan dia wali dan musuhilah orang yang memusuhinya (24).</p>	<p>عَنْ سَعِيدِ بْنِ وَهَبٍ، وَعَنْ زَيْدِ بْنِ يُنَيْعٍ، قَالَا: نَشَدَ عَلِيٌّ النَّاسَ فِي الرَّحْبَةِ: مَنْ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ يَوْمَ غَدِيرِ خُمٍّ إِلَّا قَامَ، قَالَ: فَقَامَ مِنْ قِبَلِ سَعِيدِ سِنَّةٌ، وَمِنْ قِبَلِ زَيْدِ سِنَّةٌ، فَشَهِدُوا أَنَّهُمْ سَمِعُوا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ لِعَلِيٍّ يَوْمَ غَدِيرِ خُمٍّ: أَلَيْسَ اللَّهُ أَوْلَىٰ بِالْمُؤْمِنِينَ؟، قَالُوا: بَلَىٰ قَالَ: اللَّهُمَّ مَنْ كُنْتُ مَوْلَاهُ، فَعَلِيٌّ مَوْلَاهُ، اللَّهُمَّ وَالِ مَنْ وَالَاهُ، وَعَادِ مَنْ عَادَاهُ.</p> <p>Daripada Said bin Wahab dan daripada Zaid bin Yuthai', mereka berdua berkata: Ali mencari orang ramai di tempat lapang: (dia berkata) sesiapa yang mendengar Rasulullah SAW bersabda pada hari Ghadir Khum melainkan dia mesti bangun, maka enam orang bangun di sebelah Said dan enam orang bangun di sebelah Zaid, mereka bersaksi mereka mendengar Rasulullah SAW bersabda kepada Ali pada hari Ghadir Khum: bukankah Allah lebih utama daripada orang mukmin?, mereka berkata: sudah tentu. Baginda bersabda: ya Allah siapa yang menjadikan aku sebagai wali, maka Ali adalah</p>	<p>Ahmad (950). Sahih Lighairihi.</p>
---	--	---	---

		walinya, ya Allah, menangkanlah siapa yang memenangkannya dan musuhilah orang yang memusuhinya.	
9	Adakah kamu reda berkedudukan seperti Nabi Harun kepada Nabi Musa, melainkan kerana tiada lagi Nabi selepasKu (24).	<p>عَنْ مُصْعَبِ بْنِ سَعْدٍ، عَنْ أَبِيهِ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَرَجَ إِلَى تَبُوكَ، وَاسْتَخْلَفَ عَلِيًّا، فَقَالَ: أَتُخَلِّفُنِي فِي الصِّبْيَانِ وَالنِّسَاءِ؟ قَالَ: أَلَا تَرْضَى أَنْ تَكُونَ مِنِّي بِمَنْزِلَةِ هَارُونَ، مِنْ مُوسَى إِلَّا أَنَّهُ لَيْسَ نَبِيًّا بَعْدِي.</p> <p>Daripada Mus'abin Saad, daripada ayahnya, bahawa Rasulullah SAW keluar menuju Tabuk, dan Baginda melantik Ali sebagai ketua (di Madinah), lalu dia berkata: adakah engkau melantik aku sebagai ketua kepada kanak-kanak dan wanita?. Baginda bersabda: adakah engkau reda berkedudukan seperti Harun kepada Musa, melainkan tidak Nabi selepasKu.</p>	Bukhari (4416), Muslim (2404), Tirmizi (3724), Ibnu Majah (115). Sahih.
10	Dengar dan taatlah pemimpin, sekalipun orang dilantik memimpin kamu daripada seorang	<p>عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: اسْمَعُوا وَأَطِيعُوا، وَإِنْ اسْتُعْمِلَ عَلَيْكُمْ عَبْدٌ حَبَشِيٌّ، كَأَنَّ رَأْسَهُ زَبِيئَةٌ.</p>	Bukhari (7142), Ibnu Majah (2860). Sahih.

	hamba yang berkulit hitam (25).	Daripada Anas bin Malik RA, beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: dengarlah dan taatlah, sekalipun dilantik ke atas kamu seorang hamb Habsyah, seolah-olah rambutnya seperti kismis.	
11	Para pemimpin itu daripada kalangan Quraisy (25).	<p>قَالَ لِي أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ: أَحَدْتُكَ حَدِيثًا مَا أَحَدْتُهُ كُلَّ أَحَدٍ، إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَامَ عَلَى بَابِ النَّبِيِّ وَنَحْنُ فِيهِ، فَقَالَ: الْأَيْمَةُ مِنْ فَرَيْشٍ إِنَّ لَهُمْ عَلَيْكُمْ حَقًّا، وَلَكُمْ عَلَيْهِمْ حَقًّا مِثْلَ ذَلِكَ، مَا إِنْ اسْتَرْجَمُوا فَرَجَمُوا، وَإِنْ عَاهَدُوا وَقَوَّاءَ، وَإِنْ حَكَمُوا عَدَلُوا، فَمَنْ لَمْ يَفْعَلْ ذَلِكَ مِنْهُمْ، فَعَلَيْهِ لَعْنَةُ اللَّهِ، وَالْمَلَائِكَةِ، وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ.</p> <p>Anas bin Malik berkata kepadaku: aku akan memberitahumu satu hadis yang aku telah memberitahunya kepada semua orang, sesungguhnya SAW telah berdiri di pintu rumah dan kami berada di situ, lalu Baginda bersabda: pemimpin adalah dari kalangan Quraisy, sesungguhnya mereka mempunyai hak yang mesti dilaksanakan oleh kamu dan</p>	Ahmad (12307). Sahih.

		<p>kamu mempunyai hak yang sama yang mesti dilaksanakan oleh mereka, selagi mana jika diminta mengasihani mereka mengasihani, jika mereka berjanji mereka menepati dan jika mereka memerintah mereka berlaku adil. Maka sesiapa yang tidak melakukan sedemikian itu dari kalangan mereka, maka ke atasnya laknat Allah, para malaikat dan manusia seluruhnya.</p>	
12	<p>Ketika datangnya Ali bersama Fatimah, Hasan dan Husain mengunjungi Rasulullah SAW, tiba-tiba diselimutkan mereka dengan kain, kemudian berkata, Ya Allah Tuhanku, mereka semua ahli keluargaKu, hilangkan perkara yang mencemarkan daripada mereka dan bersihkan mereka dengan sebersih-bersihnya (27).</p>	<p>عَنْ عُمَرَ بْنِ أَبِي سَلَمَةَ، رَبِيبِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَمَّا نَزَلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ (إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا) (الأحزاب: 33) فِي بَيْتِ أُمِّ سَلَمَةَ، فَدَعَا فَاطِمَةَ وَحَسَنًا وَحُسَيْنًا فَجَلَّلَهُمْ بِكِسَاءٍ، وَعَلِيٌّ خَلْفَ ظَهْرِهِ فَجَلَّلَهُ بِكِسَاءٍ ثُمَّ قَالَ: اللَّهُمَّ هَؤُلَاءِ أَهْلُ بَيْتِي فَأَذْهِبْ عَنْهُمْ الرِّجْسَ وَطَهِّرْهُمْ تَطْهِيرًا. قَالَتْ أُمُّ سَلَمَةَ: وَأَنَا مَعَهُمْ يَا نَبِيَّ اللَّهِ، قَالَ: أَنْتِ عَلَى مَكَانِكَ وَأَنْتِ عَلَى خَيْرٍ.</p> <p>Daripada Umar bin Abi Salamah, anak tiri Nabi SAW, beliau berkata: apabila turun ayat ini ke atas Nabi SAW: Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan</p>	Tirmizi (3205). Sahih.

		semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu wahai ahlu al-bait dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (al-Ahzab: 33), Ummu Salamah berkata: aku dari kalangan mereka wahai Nabi Allah?. Baginda bersabda: engkau pada kedudukanmu dan engkau dalam kebaikan.	
13	Daripada Abi Ruqayyah, Tamim al-Dari, Rasulullah SAW berkata: Agama Islam itu nasihat. Kami bertanya, untuk siapa? Rasulullah SAW menjawab, nasihat itu kepunya Allah, kitabNya, RasulNya, para pemimpin dan orang ramai.	<p>عَنْ تَمِيمِ الدَّارِيِّ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: الدِّينُ النَّصِيحَةُ، فُلْنَا: لِمَنْ؟، قَالَ: لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِأَيِّمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ.</p> <p>Daripada Tamim al-Dari bahawa Nabi SAW bersabda: agama dalah nasihat. Kami berkata: untuk siapa?. untuk menyeru kepada Allah, menyeru kepada KitabNya, menyeru kepada RasulNya, menyeru kepada pemimpin orang Islam (supaya mentaati pemimpin dan menegur jika mereka lalai), menyeru</p>	Muslim (55). Sahih.

		(kebaikan dunia dan akhirat) kepada orang ramai.	
14	Rasullah SAW berkata: tujuh jenis manusia yang mendapat naungan Allah pada hari kiamat nanti. Yang pertama ialah pemimpin yang adil (34).	<p>عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ، يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ: الْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ، وَرَجُلَانِ تَحَابَّتَا فِي اللَّهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَلَبْتُهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ، فَقَالَ: إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ، أَخْفَى حَتَّى لَا تَعْلَمَ شِمَالَهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينَهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ.</p> <p>Daripada Abu Hurairah, daripada Nabi SAW, Baginda bersabda: tujuh golongan yang Allah akan menaungi mereka dalam naungannya pada hari yang tidak ada naungan melainkan naungannya: pemerintah yang adil, orang muda yang membesar dalam beribadah pada Tuhannya, seorang lelaki yang hatinya bergantung pada masjid, dua orang yang berkasih sayang kerana Allah yang mereka bertemu dan berpisah di atasnya, seorang lelaki yang diminta oleh perempuan yang berkuasa dan cantik lalu dia</p>	Bukhari (660), Muslim (1031), Tirmizi (2391), Nasaie (5380). Sahih.

		berkata sesungguhnya aku takut kepada Allah dan seorang yang mengingati Allah ketika bersendirian lalu mengalir kedua-dua matanya.	
15	Akan tetap ada dalam kalangan umatku golongan yang bangun berjuang atas kebenaran Isla, mereka tidak boleh dihapuskan oleh sesiapa yang mengecewakan mereka sehingga datang urusan Allah (48).	<p>حَدَّثَنِي عُمَيْرُ بْنُ هَانِيٍّ، أَنَّهُ سَمِعَ مُعَاوِيَةَ، يَقُولُ: سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يَقُولُ: لَا يَزَالُ مِنْ أُمَّتِي أُمَّةٌ قَائِمَةٌ بِأَمْرِ اللَّهِ، لَا يَضُرُّهُمْ مَنْ خَذَلَهُمْ، وَلَا مَنْ خَالَفَهُمْ، حَتَّى يَأْتِيَهُمْ أَمْرُ اللَّهِ وَهُمْ عَلَى ذَلِكَ.</p> <p>Umair bin Hani' berbicara kepadaku bahawa dia mendengar Muawiyah, beliau berkata: aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: tetap ada dari kalangan umatKu satu kumpulan yang tegak dengan urusan Allah, tidak boleh memudaratkan mereka orang yang mengecewakan mereka dan tidak pula orang yang menyalahi mereka, sehingga datang kepada mereka urusan Allah sedang mereka dalam sedemikian itu.</p>	Bukhari (3641), Muslim (1920). Sahih.

16	<p>Berperanglah pada jalan Allah menegakkan agama Allah, perangilah sesiapa yang kufur (melawan) Allah dengan nama Allah, perangilah, jangan melampau, mengkhianati, mengelar musuh untuk menyeksa (walaupun sudah dibunuh), jangan membunuh kanak-kanak, dan paderi dalam rumah-rumah ibadat mereka (50)</p>	<p>عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا بَعَثَ جَيْوشَهُ قَالَ: اخْرُجُوا بِسْمِ اللَّهِ تَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ، لَا تَعْدِرُوا، وَلَا تَغْلُوا، وَلَا تُمِثُّوا، وَلَا تَقْتُلُوا الْوُلْدَانَ، وَلَا أَصْحَابَ الصَّوَامِعِ.</p> <p>Daripada Ibnu Abbas, beliau berkata: Rasulullah SAW menghantar tenteraNya, Baginda bersabda: keluarlah dengan nama Allah, kamu berperang pada jalan Allah terhadap orang yang kafir dengan Allah, jangan mengkhianati, jangan menipu rampasan perang, jangan memotong anggota badan, jangan membunuh kanak-kanak dan pendeta-pendeta.</p>	<p>Ahmad (2728). Hasan Lighairihi.</p>
17	<p>Sesungguhnya, terdapat golongan manusia yang lemah dan dipandang hina. Mereka diperangi oleh golongan yang zalim dan melampau. Lalu, Allah menjadikan mereka menguasai golongan yang lemah itu dan musuh mereka menggunakan mereka dan memaksa</p>	<p>عَنْ رَبِيعِ بْنِ جَرَّاشٍ قَالَ: سَمِعْتُ خَدِيفَةَ يَقُولُ: ضَرَبَ لَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمْثَالًا وَاحِدًا وَثَلَاثَةً، وَخَمْسَةً وَسَبْعَةً، وَتِسْعَةً وَاحِدَ عَشَرَ، قَالَ: فَضَرَبَ لَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْهَا مَثَلًا وَتَرَكَ سَائِرَهَا، قَالَ: إِنَّ قَوْمًا كَانُوا أَهْلَ ضَعْفٍ وَمَسْكَنَةٍ فَاتَّلَهُمْ أَهْلُ تَجْبُرٍ وَعِدَائٍ، فَأَظْهَرَ اللَّهُ أَهْلَ الضَّعْفِ عَلَيْهِمْ، فَعَمَدُوا إِلَى عَدُوِّهِمْ فَاسْتَعْمَلُوهُمْ وَسَاطَرُوهُمْ، فَاسْخَطُوا اللَّهَ عَلَيْهِمْ إِلَى يَوْمِ يُلْفَوْنَهُ.</p> <p>Daripada Rib'i bin Hirash, beliau berkata: aku mendengar</p>	<p>Ahmad (23462). Hasan Lighairihi.</p>

	<p>mereka. Maka, Allah murka kepada mereka yang zalim itu pada hari pertemuanNya iaitu hari kiamat (50).</p>	<p>Huzaifah berkata: Rasulullah SAW membuat perumpamaan kepada kami, satu, tiga, lima, tujuh, sembilan dan sebelas. Kemudian Rasulullah SAW mengambil satu perumpamaan sahaja daripada itu dan meninggalkan yang lain. Baginda bersabda: satu kaum dahulu mereka lemah dan papa kedana, golongan yang kaya dan melakukan kezaliman memerangi mereka, lalu Allah memenangkan golongan yang lemah ke atas mereka (golongan kaya dan zalim), mereka pergi kepada musuh mereka lalu mempergunakan mereka dan menguasai mereka, lantas mereka telah membuatkan Allah murka ke atas mereka.</p>	
18	<p>Allah memberi isyarat kepada Rasulullah SAW secara mimpi yang benar, dinyatakan dalam khutbahNya, wahai semua orang yang hadir!</p>	<p>عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يَخْطُبُ النَّاسَ عَلَى مِنْبَرِهِ، وَهُوَ يَقُولُ: أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي قَدْ أُرَيْتُ لَيْلَةً الْقَدْرُ ثُمَّ أَنْسَيْتُهَا، وَرَأَيْتُ أَنَّ فِي ذِرَاعِي سَوَارِينَ مِنْ ذَهَبٍ، فَكَّرْتُ هُنَّهَا فَتَفَخَّخْتُهَا فَطَارَا، فَأَوْلَتْهُمَا هَذَيْنِ الْكَذَّابَيْنِ، صَاحِبِ الْيَمَنِ، وَصَاحِبِ الْيَمَامَةِ.</p>	<p>Ahmad (11816). Sanadnya Hasan.</p>

	<p>Aku bermimpi melihat Lailatul Qadar, kemudian dilupakan dan aku bermimpi dua gelang emas berada di lenganKu dan Aku sangat bencikannya lalu aku meniup ke arah kedua-duanya, tiba-tiba kedua-dua gelang itu terbang (tercabut). Maka aku tafsirkan mimpi itu dengan dua pembohong, satu yang berada di Yaman (Tulaihah) dan satu lagi yang berada di Yamamah (Musailamah) (59).</p>	<p>Daripada Abi Said al-Khudri, beliau berkata: aku mendengar Rasulullah SAW sedang berkhotbah di atas mimbarNya, beliau berkata: wahai manusia sesungguhnya aku diperlihatkan malam lailatul qadar kemudian aku telah dilupakan. Dan aku telah melihat pada lenganKu dua gelang emas, aku membenci kedua-duanya dan aku pun meniupnya lalu ia pun terbang. Maka aku mentafsirkan kedua-dua ini dengan dua orang pembohong, seorang di Yaman dan seorang di Yamamah.</p>	
19	<p>Inilah dia orang yang terbaik daripada keluarga yang terbaik, Khalid bin al-Walid, satu pedang daripada pedang-pedang Allah, yang Allah hunuskan kepada golongan kafir dan munafik (94)</p>	<p>عَنْ جَدِّهِ وَحُثَيْبِ بْنِ حَرْبٍ، أَنَّ أَبَا بَكْرٍ عَقَدَ لِحَالِدِ بْنِ الْوَالِيدِ، عَلَى قِتَالِ أَهْلِ الرِّدَّةِ وَقَالَ: إِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: نِعَمَ عَبْدُ اللَّهِ وَأَخُو الْعَشِيرَةِ خَالِدُ بْنُ الْوَالِيدِ، وَسَيْفٌ مِنْ سُيُوفِ اللَّهِ سَلَّهُ اللَّهُ عَلَى الْكُفَّارِ وَالْمُنَافِقِينَ.</p> <p>Daripada datuknya Wahsyi bin Harb, bahawa Abu Bakar telah melantik Khali bin al-Walid utnuk memerangi golongan murtad dan beliau</p>	<p>Ahmad (43). Sahih Ligharihi.</p>

		berkata: sesungguhnya aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: sebaik-baik hamba Allah daripada sebaik-baik keluarga adalah Khalid bin al-Walid, satu pedang daripada pedang-pedang Allah yang Allah menghunuskannya ke atas orang kafir dan munafik.	
20	Adakah kamu percaya kepadanya?. Mereka menjawab, ya. Rasulullah SAW berkata, kalaulah tidak kerana adat tidak membenarkan utusan pasti aku perintah kamu berdua dibunuh (102).	<p>عن سلمة بن نعيم بن مسعود الأشجعي عن أبيه نعيم، قال: سمعتُ رسولَ الله -صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- يقولُ لهما حينَ قرأَ كتابَ مُسَيْلَمَةَ: ما تَقُولانِ أنْتُمَا؟، قالَا: نَقولُ كما قال، قال: أما واللهِ لولا أنَّ الرُّسُلَ لا تُقْتَلُ لضربتُ أعناقكما.</p> <p>Daripada Salamah bin Nu'aim bin Mas'ud al-Ashja'i daripada ayahnya Nu'aim, beliau berkata: aku mendengar Rasulullah SAW bersabda kepada kedua-duanya ketika Baginda membaca surat Musailamah: apa yang kamu kata?. Kami kata seperti mana yang dia kata. Baginda bersabda: Rasulullah SAW bersabda: berkata, kalaulah utusan itu tidak dibunuh,</p>	Abu Daud (2761). Sahih.

		nescaya aku akan memenggal leher kamu berdua.	
21	Apabila mati seorang anak Adam (manusia) terputuslah amalannya, melainkan tiga perkara iaitu sedekah yang faedahnya berpanjangan, ilmu yang ada manfaat dan anak soleh yang berdoa untuknya (110).	<p>عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ: صَدَقَةٌ جَارِيَةٌ، وَعِلْمٌ يُنْتَفَعُ بِهِ، وَوَلَدٌ صَالِحٌ يَدْعُو لَهُ.</p> <p>Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: apabila mati manusia terputus amalannya melainkan tiga: sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan anak soleh yang berdoa untuknya</p>	Muslim (1631), Tirmizi (1376), Nasaie (3751). Sahih.
22	Iman itu Yaman dan kebijaksanaan itu Yaman (118).	<p>عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: جَاءَ أَهْلَ الْيَمَنِ، هُمْ أَرْقُ أَفْيِدَةً، الْإِيمَانُ يَمَانٍ، وَالْفَقْهُ يَمَانٍ، وَالْحِكْمَةُ يَمَانِيَّةٌ.</p> <p>Daripada Abu Hurairah, beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: telah datang penduduk Yaman, mereka berhati lembut, iman itu Yaman, fekah itu Yaman dan kebijaksanaan itu Yaman</p>	Muslim (52), Bukhari (4388). Sahih.
23	Rasulullah berkata, ingatlahaku tahu apa yang menghalangmu daripada masuk Islam.	<p>عَنْ أَبِي عُبَيْدَةَ، عَنْ رَجُلٍ، قَالَ: قُلْتُ لِعَدِيِّ بْنِ حَاتِمٍ: حَدِيثٌ بَلَغَنِي عَنْكَ أَحَبُّ أَنْ أَسْمَعَهُ مِنْكَ، قَالَ: نَعَمْ، لَمَّا بَلَغَنِي خُرُوجُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَكَرِهْتُ خُرُوجَهُ كَرَاهَةً شَدِيدَةً، خَرَجْتُ حَتَّى وَقَعْتُ نَاجِيَةَ الرُّومِ، وَقَالَ</p>	Ahmad (18260). Sebahagiannya sah.

<p>Kamu berkata, sesungguhnya yang mengikutinya hanyalah orang lemah yang tidak ada kekuatan. Orang Arab akan menolak mereka begitu saja. Adakah kamu kenal daerah al-Hirah? (Adi menceritakan). Aku menjawab, saya tidak melihatnya. Saya hanya mendengar ceritanya sahaja. Kata Rasulullah, demi Tuhan yang diriKu berada pada tanganNya! Allah akan menyempurnakan urusan agama ini dengan kemenangan sehingga kaum wanita daripada al-Hirah datang tawaf sewaktu mengerjakan haji tanpa teman dengan aman tanpa diganggu. Kamu akan membuka perbendaharaan Kisra. Adi berkata dalam keadaan tercegang, ya!</p>	<p>يَعْنِي يَزِيدَ بِيَعْدَادٍ، حَتَّى قَدِمْتُ عَلَى قَيْصَرَ، قَالَ: فَكْرَهُتُ مَكَانِي ذَلِكَ أَشَدَّ مِنْ كَرَاهِيَّتِي لِخُرُوجِهِ، قَالَ: فَقُلْتُ: وَاللَّهِ، لَوْلَا أَنْتِيتُ هَذَا الرَّجُلَ، فَإِنْ كَانَ كَاذِبًا لَمْ يَضُرَّنِي، وَإِنْ كَانَ صَادِقًا عَلِمْتُ، قَالَ: فَقَدِمْتُ فَأَتَيْتُهُ، فَلَمَّا قَدِمْتُ قَالَ النَّاسُ: عَدِيُّ بْنُ حَاتِمٍ، عَدِيُّ بْنُ حَاتِمٍ. قَالَ: فَدَخَلْتُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ لِي: يَا عَدِيُّ بْنُ حَاتِمٍ، أَسَلِمْتَ تَسْلَمًا (ثَلَاثًا)، قَالَ: قُلْتُ: إِنِّي عَلَى دِينِ، قَالَ: أَنَا أَعْلَمُ بِدِينِكَ مِنْكَ، فَقُلْتُ: أَنْتَ أَعْلَمُ بِدِينِي مِنِّي؟، قَالَ: نَعَمْ، أَلَسْتَ مِنَ الرُّكُوسِيَّةِ، وَأَنْتَ تَأْكُلُ مِرْبَاعَ قَوْمِكَ؟، قُلْتُ: بَلَى، قَالَ: فَإِنَّ هَذَا لَا يَجِلُّ لَكَ فِي دِينِكَ، قَالَ: فَلَمْ يَعْذُ أَنْ قَالَهَا، فَتَوَاضَعْتُ لَهَا، فَقَالَ: أَمَا إِنِّي أَعْلَمُ مَا الَّذِي يَمْنَعُكَ مِنَ الْإِسْلَامِ، تَقُولُ: إِنَّمَا اتَّبَعَهُ ضَعْفَةُ النَّاسِ، وَمَنْ لَا قُوَّةَ لَهُ، وَقَدْ رَمَتْهُمْ الْعَرَبُ. أَتَعْرِفُ الْحَيْرَةَ؟، قُلْتُ: لَمْ أَرَهَا، وَقَدْ سَمِعْتُ بِهَا. قَالَ: فَوَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ، لَيُبَيِّنَنَّ اللَّهُ هَذَا الْأَمْرَ، حَتَّى تَخْرُجَ الظُّعَيْبَةُ مِنَ الْحَيْرَةَ، حَتَّى تَطُوفَ بِالْبَيْتِ فِي غَيْرِ جَوَارِ أَحَدٍ، وَلَيَفْتَحَنَّ كُنُوزَ كِسْرَى بْنِ هُرْمَزَ، قَالَ: قُلْتُ: كِسْرَى بْنُ هُرْمَزَ؟، قَالَ: نَعَمْ، كِسْرَى بْنُ هُرْمَزَ، وَلَيُبَدِّلَنَّ الْمَالَ حَتَّى لَا يَقْبَلَهُ أَحَدٌ.</p> <p>Daripada Abi Ubaidah, daripada seorang lelaki, beliau berkata: aku telah berkata kepada 'Adi bin Hatim: satu hadis tentangmu telah sampai kepadaku yang aku suka untuk mendengar daripadamu, dia berkata: ya, ketika sampai kepadaku</p>	
--	---	--

	<p>Ketua kepada Hurmuz. Rasulullah berkata, ya! Kisra bin Hurmuz akan melimpah ruah sehingga tidak ada lagi orang yang tidak menerimanya (150)</p>	<p>bahawa Rasulullah SAW telah diutuskan, aku benci pengutusannya dengan kebencian yang amat sangat, aku keluar sehingga aku berada di suatu tempat di Rom-dia (yakni Yazid) berkata: di Baghdad- sehinggalah aku menemui Kaisar, dia ('Adi) berkata: aku merasa benci keadaanku itu lebih daripada kebencianku pada pengutusanNya. Dia berkata: kalaulah aku pergi menemui lelaki ini, jika dia pembohong ia tidak memudaratkan aku, jika dia berkata benar, aku dapat mengetahuinya. Dia berkata: aku pergi sehingga aku menemuiNya, ketika aku mendatangiNya orang ramai berkata: 'Adi bin Hatim, 'Adi bin Hatim. Dia berkata: aku pun masuk bertemu Rasulullah SAW lalu Baginda bersabda kepadaku: wahai 'Adi bin Hatim, Islamlah engkau akan selamat (tiga kali). Dia berkata: aku pun</p>	
--	--	---	--

		<p>berkata: aku sudah ada agama, Baginda bersabda: aku lebih tahu tentang agamamu daripadamu. Maka aku berkata: Engkau lebih tahu tentang agamaku daripadaku?. Baginda bersabda: ya, tidakkah engkau dari kalangan Kristian sedangkan engkau memakan Mirba' (satu perempat harta orang ramai yang diberikan kepada ketua puak) kaummu. Aku berkata: sudah tentu. Baginda bersabda: sesungguhnya ini tidak halal untukmu di dalam agamamu. Dia berkata: belum lagi Baginda menambah apa yang dikatakan aku sudah pun menundukkan diri. Kemudian Baginda bersabda: sesungguhnya aku tahu apa yang menghalangmu masuk Islam, ia hanya diikuti oleh orang yang lemah dan orang yang tidak ada kekuatan, orang Arab akan menyerang mereka. Adakah engkau tahu</p>	
--	--	--	--

		<p>al-Hirah?. Aku berkata: aku tidak pernah melihatnya, aku hanya mendengar tentangnya. Baginda bersabda: demi Tuhan yang diriKu berada pada tanganNya, Allah akan menyempurnakan urusan (agama) ini sehingga perempuan di dalam sekedup daripada al-Hirah datang tawaf di Baitullah tanpa perlindungan sesiapa, Dia (Allah) akan membuka perbendaharaan Kisra bin Hurmuz. Dia berkata: aku berkata: Kisra bin Hurmuz?. Baginda bersabda: ya, Kisra bin Hurmuz, dan akan diberikan harta sehingga tidak ada orang yang mahu menerimanya.</p>	
24	<p>Sesungguhnya, syurga itu berada di bawah naungan mata-mata pedang (181).</p>	<p>عَنْ سَالِمِ أَبِي النَّضْرِ مَوْلَى عُمَرَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ – وَكَانَ كَاتِبَهُ – قَالَ: كَتَبَ إِلَيْهِ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَبِي أَوْفَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: وَاعْلَمُوا أَنَّ الْجَنَّةَ تَحْتَ ظِلَالِ السُّيُوفِ.</p> <p>Daripada Salim Abi al-Nadhr Maula Umar bin 'Ubaid -dia (Salim) adalah penulisnya</p>	<p>Bukhari (2818), Muslim (1742), Abu Daud (2631), Tirmizi (1659). Sahih.</p>

		(Umar bin 'Ubaid)-, beliau berkata: Abdullah bin Abi Aufa RA telah menulis kepadanya: sesungguhnya SAW bersabda: ketahuilah sesungguhnya syurga itu berada di bawah naungan mata-mata pedang.	
25	Wahai Muaz! Sekiranya ada apa-apa masalah, bagaimanakah kamu menyelesaikannya? Muaz menjawab, dengan kitab Allah. Rasulullah SAW bertanya lagi, sekiranya tidak ada dalam kitab Allah? Muaz menjawab, dengan sunnah Rasulullah. Rasulullah SAW bertanya, sekiranya tidak ada dalam sunnah Rasulullah? Muaz menjawab, saya berijtihad dan tidak cuai. Rasulullah SAW berkata segala puji bagi Allah. Tuhan yang memberi petunjuk kepada utusan Rasulullah	عن أناسٍ من أهل حمصٍ من أصحابِ معاذ بن جبل: أن رسولَ الله -صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- لما أراد أن يبعثَ معاذاً إلى اليمن، قال: "كيف تقضي إذا عرَضَ لك قضاء؟" قال: أقضي بكتابِ الله، قال: "فإن لم تجدْ في كتابِ الله؟" قال: فبسنةِ رسولِ الله -صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ-، قال: "فإن لم تجد في سنة رسولِ الله -صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- ولا في كتابِ الله؟ قال: أجتهدُ رأيي ولا ألو، فضربَ رسولُ الله -صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- صدرَه وقال: الحمدُ لله الذي وَفَّقَ رسولَ رسولِ الله لما يرضَى رسولُ الله"	Abu Daud (3593), Tirmizi (1327). Sahih.
		Daripada beberapa orang daripada penduduk Himsh dari kalangan sahabat Muaz bin Jabal bahawa Rasulullah SAW ketika menghantar Muaz ke Yaman, Baginda bersabda: bagaimana engkau memutuskan jika ditunjukkan kepadamu suatu penghakiman?. Dia berkata:	

	dengan apa yang diredai oleh Rasulullah.	aku akan memutuskan dengan Kitab Allah. Baginda bersabda: jika tidak ada dalam kitab Allah?. Dia berkata: dengan Sunnah Rasulullah SAW. Baginda bersabda: jika tidak ada dalam sunnah Rasulullah dan tidak ada dalam Kitab Allah?. Dia berkata: aku akan berijtihad dan tidak cuai. Rasulullah SAW menepuk dadanya dan bersabda: segala puji bagi Allah yang memberi taufik kepada utusan Rasulullah dengan apa yang diredai oleh Rasulullah.	
--	--	---	--

PERBINCANGAN

1. Membawa Terjemahan, Mafhum Atau Sebahagian Hadis.

Pengarang membawa terjemahan hadis tanpa disertakan matan asal di dalam bahasa Arab. Gaya persembahan sedemikian menjadi amalan di dalam buku-buku berbahasa Melayu di pasaran kebelakangan ini. Terdapat kemungkinan tujuan utama adalah maksud yang ingin disampaikan. TGHH juga dikenali sebagai seorang yang sibuk dan menulis di mana sahaja beliau berada (Riduan Mohamad Nor, 2009). Justeru dapat difahami ia membataskan masa untuk membuat semakan dan rujukan terhadap tulisan-tulisannya.

Metode ini didasari keharusan periwayatan hadis secara makna. Majoriti sarjana membenarkannya antara mereka ialah Wathilah bin al-Asqa' seorang Sahabat Nabi SAW, al-Hasan al-Basri, 'Atha' bin Abi Rabah, Mujahid, al-Zuhri, Imam Syafie, Waki' bin al-Jarrah, Imam Ahmad dan lain-lain (Nasir Ahmad Muhib & Sayyid Mahbub Shah Hasyimi, 2020). Al-Baghdadi (2013) berkata: "umat bersepakat bahawa orang yang mengetahui makna hadis Nabi SAW dan orang yang mendengarnya boleh menukilkan makna hadis itu bukan dengan lafaznya dan bukan dengan bahasa arab".

Antara contoh terjemahan:

"Kaum Bani Israel pada zaman dahulu dipimpin oleh para Nabi (mereka menjadi ahli politik). Setiap kali matinya seorang Nabi, penggantinya Nabi juga selepasnya, sesungguhnya tiada lagi Nabi selepasnya dan akan berlakunya peralihan khalifah (yang mengganti Nabi bagi memimpin umat), mereka ramai. Para sahabat bertanya, apakah perintahMu kepada kami?. Rasulullah SAW menjawab: tunaikan baiah (janji ketaatan) kepada yang pertama dan seterusnya. Berilah kepada mereka hak mereka (untuk memerintah). Maka sesungguhnya Allah akan bertanya kepada mereka berkenaan urusan mereka yang diminta supaya memimpin" (Abdul Hadi Awang, 2010).

Hadis Yang Dimaksudkan ialah:

كَانَتْ بَنُو إِسْرَائِيلَ تَسُوسُهُمُ الْأَنْبِيَاءُ، كُلَّمَا هَلَكَ نَبِيٌّ خَلَفَهُ نَبِيٌّ، وَإِنَّهُ لَا نَبِيَّ بَعْدِي، وَسَيَكُونُ خُلَفَاءُ فَيَكْتُمُونَ، قَالُوا: فَمَا تَأْمُرُنَا؟ قَالَ: فُوا بِنَبِيْعَةِ الْأَوَّلِ فَالْأَوَّلِ، أَعْطَوْهُمْ حَقَّهُمْ، فَإِنَّ اللَّهَ سَائِلُهُمْ عَمَّا اسْتَرَعَاهُمْ.

Dahulu Bani Israel dipimpin oleh para Nabi. Setiap kali mati seorang Nabi, Nabi yang lain menggantikannya, sesungguhnya tiada Nabi selepasnya, dan akan ada khalifah-khalifah dan mereka ramai. Mereka berkata: maka apakah perintahMu kepada kami?. Baginda bersabda: tunaikan baiah (janji ketaatan) kepada yang pertama dan seterusnya. Berilah kepada mereka hak mereka (untuk memerintah). Maka sesungguhnya Allah akan bertanya kepada mereka (pemimpin) berkenaan apa yang Dia (Allah SWT) minta untuk memimpin akan mereka (rakyat) itu (Bukhari, 2016 No. 3455, Muslim bin Al-Ḥajjāj, 2006 No. 1842 dan Ibn Mājah, 2015 No: 2871).

Contoh lain:

“Diamlah wahai Uhud, di atasmu ada seorang Nabi, seorang yang benar dan dua orang yang syahid”.

Hadis Yang Dimaksudkan:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَعِدَ أُحُدًا، وَأَبُو بَكْرٍ، وَعُمَرُ، وَعُثْمَانُ فَرَجَفَ بِهِمْ، فَقَالَ: اثْبُتْ أُحُدُ فَإِنَّمَا عَلَيْكَ نَبِيٌّ، وَصِدِّيقٌ، وَشَهِيدَانِ.

Nabi SAW menaiki bukit Uhud bersama Abu Bakar, Umar, Usman, lalu ia menggegarkan mereka lalu Baginda bersabda: tetaplah (jangan bergerak) Uhad, sesungguhnya di atasmu ada seorang Nabi, seorang yang benar dan dua orang yang syahid (Bukhari, 2016 Hadis No: 3675, Abu Daud, 2009 Hadis No: 4651 dan Tirmizi, 1996 Hadis No: 3697).

Selain itu, pengarang menyebut hadis secara mafhum. Ia berkonotasi pengertian daripada sesuatu hadis tanpa terikat dengan teks di dalam matan secara harfiah. Contohnya:

“Islam bermula dengan pemerintahan berasaskan konsep Nabi, kemudian diikuti oleh konsep khulafa ar-Rasyidin, diikuti pula berlakunya penguasaan raja yang zalim, seterusnya raja yang ganas dan akhirnya kembali semula kepada khalifah”.

Hadis Yang Dimaksudkan:

فَقَالَ حَذِيفَةُ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: تَكُونُ النَّبِيُّ فِيكُمْ مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ تَكُونَ، ثُمَّ يَرْفَعُهَا إِذَا شَاءَ أَنْ يَرْفَعَهَا، ثُمَّ تَكُونُ خِلَافَةً عَلَى مِنْهَاجِ النَّبِيِّ، فَتَكُونُ مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ تَكُونَ، ثُمَّ يَرْفَعُهَا إِذَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ يَرْفَعَهَا، فَيَكُونُ مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ يَكُونَ، ثُمَّ يَرْفَعُهَا إِذَا شَاءَ أَنْ يَرْفَعَهَا، ثُمَّ تَكُونُ خِلَافَةً عَلَى مِنْهَاجِ نَبِيِّ.

Terjemahan: Lalu Huzaifah berkata: aku menghafal ucapannya. Abu Tha'labah pun duduk. Huzaifah berkata: Rasulullah SAW bersabda: kenabian akan berada bersama kamu sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah ia berada, kemudian Dia (Allah) akan mengangkatnya jika Dia mahu mengangkatnya, kemudian khilafah di atas jalan kenabian, maka ia akan berada sebagaimana Allah kehendaki ia berada, kemudian

raja yang menggigit (jahat) maka ia berada sebagaimana Allah kehendaki ia berada, kemudian Dia mengangkatnya jika Dia mahu mengangkatnya, kemudian raja yang ganas, maka ia berada sebagaimana Allah kehendaki, kemudian Dia mengangkatnya jika Dia mahu mengangkatnya, kemudian khilafah di atas jalan kenabian (Ahmad, 2001).

Pengarang juga menyebut bahagian-bahagian tertentu sahaja daripada hadis yang dijadikan sebagai dalil di dalam penghujahan. Praktis ini sudah bermula semenjak era ulama silam. Antara yang terkenal melakukannya ialah Imam Bukhari di dalam penyusunan kitab Sahih (Nayif Ali al-Baqqae, 2015).

Perkara ini diharuskan dengan syarat tidak menjejaskan makna sebenar hadis. Ia seperti memisahkan hadis yang mengandungi dua bahagian yang berbeza. Al-Zahabi (2020) di dalam bukunya meletakkan tajuk “Masalah: Meringkaskan Hadis dan Memotongnya Adalah Harus Jika Tidak Menjejaskan Makna”. Manakala Al-Khatib al-Baghdadi (2013) menjelaskan dengan lebih terperinci. Beliau berkata: “jika bahagian yang ditinggalkan tidak mengandungi frasa dan perkara yang berkaitan dengan bahagian yang diriwayatkan, dan ia (bahagian yang ditinggalkan) bukan syarat padanya (bahagian yang diriwayatkan), harus seorang muhaddith meriwayatkan hadis secara mengurangkannya dan membuang sebahagiannya”. Antara contoh yang dibuat oleh pengarang adalah seperti berikut:

“Tujuh jenis manusia yang mendapat naungan Allah pada hari kiamat nanti. Yang pertama ialah pemimpin yang adil”.

Hadis Yang Dimaksudkan:

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ، يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ: الْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ، وَرَجُلَانِ تَحَابَّا فِي اللَّهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَلَبْتُهُ امْرَأَةً ذَاتَ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ، فَقَالَ: إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ، أَخْفَى حَتَّى لَا تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ.

Terjemahan: Daripada Nabi SAW, Baginda bersabda: tujuh golongan yang dinaungi Allah dengan naunganNya pada hari yang tidak ada naungan melainkan

naunganNya: pemimpin yang adil, pemuda yang membesar dalam beribadat kepada Tuhannya, lelaki yang hatinya berpaut pada masjid, dua orang yang berkasih sayang kepada Allah yang bertemu dan berpisah keranaNya, lelaki yang diminta untuk berzina oleh seorang perempuan yang berpangkat dan cantik lalu dia berkata sesungguhnya aku takutkan Allah, seseorang yang bersedekah lalu dia menyembunyikan sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang diinfakkan oleh tangan kanannya dan seseorang yang mengingati Allah lalu kedua matanya mengalir (Bukhari, 2016 Hadis No: 660, Muslim, 2006 Hadis No: 1031, Tirmizi, 1996 Hadis No: 2391 dan Nasaie, 2018 Hadis No: 5380)

2. Mengeluarkan Pengajaran Hadis Dari Sudut Politik

Mengeluarkan pengajaran dan fekah sesuatu hadis merupakan tradisi muhaddithin. Perbincangan mereka tidak terhad kepada menentukan kesahihan dan kedaifan. Oleh itu, munculnya kitab-kitab *syarah* (huraian) yang menjadi sumber berautoriti dalam memahami maksud hadis (Bassām al-Şafadi, 2020)

Selepas penelitian dan analisis, pengarang tampak menghubungkan makna hadis dengan isu-isu politik. Sebagai agamawan dan politikus, ia bukan perkara yang asing. Sebelum ini beliau sering memberikan pandangan di dalam isu-isu semasa yang diikuti dengan dalil-dalil hadis. Barangkali elemen ini terserlah disebabkan buku ini memberikan tumpuan kepada masalah-masalah kepimpinan dan kenegaraan.

تَكُونُ النَّبِيُّهُ فِيكُمْ مَا شَاءَ اللهُ أَنْ تَكُونَ، ثُمَّ يَرْفَعُهَا إِذَا شَاءَ أَنْ يَرْفَعَهَا، ثُمَّ تَكُونُ خِلَافَةً عَلَىٰ مِنْهَاجِ النَّبِيِّهِ، فَتَكُونُ مَا شَاءَ اللهُ أَنْ تَكُونَ، ثُمَّ يَرْفَعُهَا إِذَا شَاءَ أَنْ يَرْفَعَهَا، ثُمَّ تَكُونُ مَلِكًا جَبْرِيَّةً، فَتَكُونُ مَا شَاءَ اللهُ أَنْ تَكُونَ، ثُمَّ يَرْفَعُهَا إِذَا شَاءَ أَنْ يَرْفَعَهَا، ثُمَّ تَكُونُ خِلَافَةً عَلَىٰ مِنْهَاجِ نُبِيِّهِ.

Terjemahan: Kenabian akan berada bersama kamu sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah ia berada, kemudian Dia (Allah) akan mengangkatnya jika Dia mahu mengangkatnya, kemudian khilafah di atas jalan kenabian, maka ia akan berada sebagaimana Allah kehendaki ia berada, kemudian raja yang menggigit (jahat) maka ia berada sebagaimana Allah kehendaki ia berada, kemudian Dia mengangkatnya jika Dia mahu mengangkatnya, kemudian raja yang ganas, maka ia berada sebagaimana

Allah kehendaki, kemudian Dia mengangkatnya jika Dia mahu mengangkatnya, kemudian khilafah di atas jalan kenabian (Ahmad, 2001).

Semasa berdalil dengan hadis di atas, pengarang menegaskan salah satu punca kezaliman negara *Mulkan 'Addhan* ialah mengekalkan sistem penjajahan di dalam pelbagai aspek meskipun sudah memperolehi kemerdekaan. Katanya: “selepas itu tegak pula pemerintahan sistem beraja yang masih lagi beramal dengan Islam walaupun berlakunya kezaliman dan penaklukan penjajah barat ke atas negara-negara Islam. Umat Islam yang berkuasa terus dibelenggu penjajahan pemikiran walaupun penjajah asing sudah pergi manakala umat Islam yang lemah terus dimamah kezaliman akibat pengekalan amalan sistem penjajahan”. Beliau memberikan contoh sistem politik penjajah dengan berkata: “fahaman sekularisma yang mengeluarkan politik daripada agama Islam adalah ajaran salah yang diwarisi zaman penjajah bukan Islam”.

3. Menjelaskan Salah Faham Masyarakat Di Dalam Huraian Hadis

Pengarang dilihat membetulkan salah faham yang berlaku di kalangan masyarakat ketika menghuraikan hadis. Pendekatan seperti ini sering dikaitkan dengan aliran pemikiran Islah. Perkataan “Islah” bermaksud membaiki dan ia berlawanan dengan perkataan rosak. Ini merujuk kepada usaha dakwah terhadap muslim bagi memperbaiki keadaan mereka dari sudut akidah, akhlak, ekonomi dan sebagainya yang membawa kepada peningkatan mutu umat Islam. Menurut Mohd Ridwan Razali et al (2020), Abdul Hadi Awang adalah tokoh yang terpengaruh dengan aliran tersebut. Malah Ibrahim Majdi dan Mohamad Kamil (2019) menyimpulkan Parti Islam SeMalaysia (PAS) yang didukunginya adalah salah sebuah gerakan Islah di negara ini.

Contoh-contoh yang dapat ditunjukkan umpamanya teguran terhadap orang ramai yang pada zahirnya mengambil ringan di dalam isu-isu kenegaraan dan keputusan politik. Beliau mengingatkan perkara-perkara ini turut membabitkan soal hukum. “Penyebab masuk neraka itu bukan semata-mata kerana dosa syirik dalam ibadat,

meninggalkan yang wajib, mengerjakan yang haram malah kesilapan politik juga termasuk dalam penyebab ke neraka apabila mengikut bukan petunjuk Allah dan Rasulullah SAW". Dalilnya adalah hadis yang berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: بَيْنَمَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي مَجْلِسٍ يُحَدِّثُ الْقَوْمَ، جَاءَهُ أَعْرَابِيٌّ فَقَالَ: مَتَى السَّاعَةُ؟ فَمَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحَدِّثُ، فَقَالَ بَعْضُ الْقَوْمِ: سَمِعَ مَا قَالَ فَكَّرَهُ مَا قَالَ. وَقَالَ بَعْضُهُمْ: بَلْ لَمْ يَسْمَعْ، حَتَّى إِذَا قَضَى حَدِيثَهُ قَالَ: أَيْنَ -أَرَاهُ- السَّائِلُ عَنِ السَّاعَةِ، قَالَ: هَا أَنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ: فَإِذَا ضَيَّعَتِ الْأَمَانَةُ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ، قَالَ: كَيْفَ إِضَاعَتُهَا؟ قَالَ: إِذَا وَصِدَ الْأَمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ.

Daripada Abu Hurairah, beliau berkata: ketika Nabi SAW di dalam majlis sedang bercakap dengan sekumpulan orang datang seorang badwi lalu dia berkata: bilakah kiamat? Baginda meneruskan bercakap. Sebahagian orang berkata: Baginda mendengar apa yang dia ucapkan akan tetapi Baginda tidak senang dengannya, sebahagian mereka berkata: bahkan Baginda tidak mendengar, sehinggalah Baginda menghabiskan ucapan lalu Baginda bersabda: di mana orang yang bertanya tentang kiamat?. Dia berkata: saya wahai Rasulullah, Baginda bersabda: apabila dihilangkan amanah maka tunggulah kiamat. Dia berkata: bagaimana menghilangkannya?. Baginda bersabda: apabila diserahkan urusan kepada bukan ahlinya maka tunggulah kiamat (Bukhari, 2016 Hadis No: 58).

4. Menggunakan Sumber Muktabar Dan Hadis Sahih.

Sumber yang menjadi rujukan pengarang merupakan kitab-kitab hadis muktabar. Kitab-kitab tersebut ialah Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Daud, Sunan Tirmizi, Sunan Nasaie, Sunan Ibnu Majah dan Musnad Ahmad. Enam yang terawal dikenali sebagai *Kutub al-Sittah*. Musnad Ahmad pula dikategorikan sebagai *Kutub al-Tis'ah*. Kitab-kitab ini mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Ahli Sunah Waljamaah (Nayif Ali al-Baqqaie, 2015). Sesetengah hadis disebut dengan jelas sumber nukilan. Contohnya pada muka surat 22, ia menyatakan hadis diriwayatkan di dalam Sahih Bukhari dan Muslim (Abdul Hadi Awang, 2010).

Kedudukan hadis-hadis yang digunakan hampir kesemuanya diterima sebagai hujah atau mengikut istilah Ulum Hadis sebagai *Maqbul*. Ia terdiri daripada empat jenis iaitu *Sahih*, *Sahih Lighairih*, *Hasan* atau *Hasan Lighairih* (Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, 2011).

Terdapat juga hadis yang dinyatakan sebagai “Sanadnya Hasan” dan “Sebahagiannya Sahih”. “Sanadnya Hasan” bermaksud tiga syarat hadis sahih telah dipenuhi pada hadis tersebut iaitu sanad yang bersambung, perawi yang siqat dan perawi yang dabit. Manakala dua syarat lagi iaitu terhindar daripada *syuzuz* dan terhindar daripada *‘illah* tidak dapat dipastikan (al-Muniyawi, 2011). Maksud “Sebahagiannya Sahih” pula ialah sebahagian matan hadis adalah sahih dan sebahagian lagi adalah sebaliknya. Istilah ini banyak digunakan oleh pentahkik Musnad Ahmad yang diketuai oleh Syuaib al-Arnauth (Aḥmad, 2001).

PENUTUP

Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang merupakan seorang penulis yang prolific. Sehingga kini buku-bukunya sudah mencecah lebih daripada seratus buah. Ia merangkumi pelbagai bidang pengajian Islam seperti Akidah, Tafsir, Sirah, Fekah dan sebagainya. Pengkaji berharap pada masa depan akan ada kajian-kajian yang lebih luas dan mendalam terhadap karya ilmiah tokoh ini. Perkara ini untuk melihat metode interaksi hadis dan riwayat yang boleh dimanfaatkan dalam pengajian, pendidikan dan penyampaian umum.

RUJUKAN

- ‘Uṭmān bin ‘Abd al-Raḥman Ibn al-Ṣalah. (2019). *Ma‘rifat Anwa’ ‘Ulūm al-Hadīṭ* (1st ed.). Dār al-Fikr.
- Abdul Hadi Awang. (2010). *Taktik Dan Strategi Berpolitik Gaya Khulafa Ar-Rasyidin* (1st ed.). PTS Sdn. Bhd.

- Ahmad bin Ali al-Ḥaṭīb al-Baġdadī. (2013). *al-Kifayah Fi Ma'arifat 'Ilm al-Riwayah* (2nd ed.). Dar Ibnu al-Jawzi.
- Aḥmad bin Ḥanbal. (2001). *Al-Musnad* (1st ed.). Mua'ssasah al-Risālah.
- Ahmad bin Syuaib al-Nasaie. (2018). *Al-Mujtaba* (1st ed.). al-Dar al-'Alamiyyah.
- Ali Muhammad Muhammad al-Salabi. (2015). *Abu Bakar al-Siddiq RA: Shakhshiyatuhu Wa'asruhu* (4th ed.). Dar Ibn Kathir.
- Bassām bin Ḥalil al-Ṣafadi. (2020). *'Ilm Šarh al-Hadī t: Dirāsāt Ta'šiliyyah Manhajiyyah* (1st ed.).
- Ibn Mājah, Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī. (2015). *Sunan Ibn Mājah* (2nd ed.). Dār al-Haḍārah.
- Ibrahim Majdi, & Mohamad Kamil. (2019). **Sejarah Perkembangan Pengaruh Ideologi Kaum Muda Dalam**. *The 2nd World Conference on Islamic History and Civilization 2019, December*.
- Maḥmūd al-Ṭaḥḥān. (2011). *Taysīr Mustalah al-Ḥadīṭ* (9th ed.). Maktabah al-Ma'arif.
- Mahmud bin Muhammad al-Muniyawi. (2011). *Syarh al-Muqizah Fi Mustalah al-Hadith* (1st ed.). al-Maktabah al-Shamilah.
- Mohd Ridwan Razali, Abdullah Mustaffa, Mohd Muhiden Abd Rahman, & Mohamad Azrien Mohamed Adnan. (2020). *Aliran Islah Dalam Tafsir al-Qur'ān: Analisis Terhadap Elemen Pemikiran Islah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (TGNA) dan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (TGHH)*. 10(2), 17–36.
- Muhammad bin Ahmad al-Zahabi. (2020). *Al-Muqizah Fi 'Ilm Mustalah al-Hadith* (9th ed.). Dar al-Salam.
- Muhammad bin Isa al-Tirmizi. (1996). *Al-Jami' al-Mukhtasar Min al-Sunan 'An Rasululillah Wama'arifat al-Sahih wa-al-Ma'alul Wama 'Alaihi al-'Amal* (2nd ed.). Matba'ah al-Bābī al-Halabī.

- Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhari. (2016). *Al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣahīh al-Muḥtaṣar Min Umūr Rasūlillāh SAW Wa-Sunanihī Wa-Ayyāmī* (1st ed.). al-Buhsra.
- Muslim bin Al-Ḥajjāj. (2006). *Al-Musnad al-Ṣahīh al-Muḥtaṣar Min al-Sunan Binaql al-'Adl 'An al-'Adl 'An Rasūlillāh SAW* (1st ed.). Dār al-Ṭaybah.
- Nasir Ahmad Muhib, & Sayyid Mahbub Shah Hasyimi. (2020). **Hukm Riwayah al-Hadith Bi-al-Ma'ana**. *Al-Majallah Al-Akadimiyyah Li-Al-Bahth Al-'Ilmiy*, 9, 251–259.
- Nayif Ali al-Baqqaie. (2015). *Manahij al-Muhaddithin* (5th ed.). Dar al-Bashair al-Islamiyyah.
- Riduan Mohamad Nor. (2009). *Abdul Hadi Awang: Murabbi, Ideologue Dan Pemimpin* (1st ed.).
- Sahlawati Abu Bakar. (2018). **Metodologi Tuan Guru Abdul Hadi Awang Dalam Kitab Al-Tibyan Dalam Mentafsirkan Al-Quran**. *Proceeding of The International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2018*, 2018, 109–115.
- Sulaiman bin al-Asy'ath Abu Daud. (2009). *Al-Sunan* (1st ed.). Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.